

Hargai pekerja yang sudah tiada

SEREMBAN - Klana Resort Seremban menyerahkan sumbangan RM30,000 kepada bekas pekerjanya yang telah meninggal dunia setahun lalu.

Pengarah Urusannya, Mohd Yazid Mustaffa berkata, Allahyarham Mohd Nazri Puteh, 50, telah bekerja di hotel berkenaan sejak 2 April 2014 dan meninggal dunia 24 Januari lalu akibat jangkitan kuman pada paru-paru.

Beliau berkata, pihaknya memang menyediakan skim insurans nyawa dan perubatan kepada semua pekerjanya.

Menurutnya, walaupun Allahyarham merupakan seorang pekerja OKU bisu dan pekak, tetapi dia merupakan seorang pekerja sangat rajin serta menepati masa.

"Setelah semua dokumentasi selesai dan pihak insurans mengesahkan arwah layak terima skim insurans kematian. Hari ini (kelmarin), kita dapat serahkan wang tersebut kepada ahli keluarga mereka.

"Kita berharap keluarga tabah dengan dugaan yang dilalui dan dapat menggunakan duit tersebut untuk kegunaan mereka," katanya selepas majlis penyerahan disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mat Ali Hassan yang juga Pengarah Eksekutif Emerald Spirit Sdn Bhd, kelmarin.

Wang berkenaan diserahkan kepada abang Allahyarham, Mohd Tahir Puteh.

Mohd Tahir berkata, wang berkenaan akan digunakan untuk menunaikan haji untuk Allahyarham.



Mat Ali (depan dua, kanan) menyampaikan cek kepada Mohd Tahir.